

25 APR 2001

WEDC-EKONOMI

PM AKAN RASMI KONGRES PEMBANGUNAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Kongres Pembangunan Ekonomi Dunia ke-10 (WEDC) yang akan diadakan di Kuala Lumpur lewat Jun ini akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Memandangkan inilah kali pertama mesyuarat sedemikian diadakan di Asia Tenggara, perhimpunan ini akan menyediakan peluang kepada rakyat tempatan untuk mendengar secara langsung bagaimana pemimpin-pemimpin Barat dan Asia menangani secara realiti pembangunan ekonomi global di masa hadapan dan implikasinya ke atas perniagaan Asia Pasifik.

"Perhimpunan WEDC memberikan peluang kepada negara-negara Asia melahirkan pendapat mereka ke seluruh dunia, terutamanya kepada pembekal-pembekal infrastruktur Eropah dan Amerika Syarikat, gambaran jelas mengenai tinjauan ekonomi dan pembangunan yang patut diberi keutamaan dalam dekad yang akan datang," demikian menurut pengarah urusan EcoEvent Sdn Bhd, Jamal Nasir dalam satu kenyataan di sini hari ini.

EcoEvent, sebuah syarikat penganjur yang berjaya membawa WEDC ke Malaysia.

Jamal berkata pengurusan tertinggi Malaysia dan rantau ini boleh mendapat akses ke dan membuat perhubungan dengan pemimpin-pemimpin perniagaan dunia, di samping melahirkan pendapat mereka mengenai pembangunan global secara langsung kepada pihak yang membuat dan menerima keputusan.

"Pada masa yang sama, kami percaya WEDC Kuala Lumpur mempunyai implikasi utama untuk persepsi-persepsi antarabangsa mengenai Malaysia dan rantau ini," kata beliau.

Beliau menambah tumpuan utama WEDC KL, yang bertemakan "Infrastruktur, Internet dan Ekonomi Baru", ialah e-perdagangan, integrasi global pasaran dan infrastruktur untuk pengeluaran dan penggunaan di dalam ekonomi teknologi.

Sektor-sektor khusus yang akan dibincangkan termasuk tenaga, teknologi maklumat, telekomunikasi dan air. -- BERNAMA

FAY SEL AA